

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PENGAJIAN AM

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI JUN 2017

DUB1012 : PENGAJIAN MALAYSIA

TARIKH : 27 OKTOBER 2017

MASA : 3.00 PETANG – 4.00 PETANG (1 JAM)

Kertas ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak.

Objektif (40 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

ARAHAN :

Bahagian ini mengandungi EMPAT PULUH (40) soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

CLO1
C1

1. Apakah faktor yang menjamin kegemilangan kesultanan Melaka dari sudut politik?
- A. Sumber asli yang banyak
 - B. Pelabuhan entrepot yang banyak
 - C. Hubungan rapat dengan kuasa besar
 - D. Kedudukan strategik di laluan perdagangan

Penemuan Batu Bersurat di Sungai Tersat,
Kuala Berang

CLO1
C1

2. Perkara di atas merujuk kepada
- A. Teori kedatangan Islam dari China
 - B. Islam tersebar melalui wilayah Gujerat
 - C. Tulisan Jawi digunakan secara meluas pada hari ini
 - D. Karya tempatan mencatatkan pengislaman raja oleh "sheikh"

CLO1
C1

3. Manakah berikut **BUKAN** faktor kegemilangan Kesultanan Johor yang muncul selepas kejatuhan Melaka?
- A. Johor muncul sebagai pelabuhan entrepot
 - B. Kelebihan Orang Laut yang meronda di perairan Johor
 - C. Hubungan baik dengan Portugis menjamin keamanan pesisir Selat Melaka
 - D. Ibu kota yang terletak sepanjang Sungai Johor memudahkan persinggahan pedagang

CLO1
C1

4. Manakah berikut kuasa asing yang pernah menjajah Tanah Melayu?
- i. Jepun
 - ii. British
 - iii. Belanda
 - iv. Perancis
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv


CLO1
C1

5. Apakah faktor campur tangan British ke atas Tanah Melayu?

- A. Pengaruh fahaman laissez- faire
- B. Melindungi kepentingan ekonomi
- C. Berlaku Revolusi Pertanian di Eropah
- D. Hubungan baik dengan raja-raja Melayu

CLO1
C2

6. Jawatankuasa Kerja dalam rajah di bawah adalah bertujuan untuk



- A. Membincangkan proses kemerdekaan bagi Tanah Melayu
- B. Menggubal satu perlembagaan baharu bagi Tanah Melayu
- C. Meninjau pendapat penduduk mengenai penggabungan Tanah Melayu
- D. Menyelesaikan perselisihan faham antara Raja-raja Melayu dan pegawai British

CLO1
C2

7. Pada bulan Januari 1956, Tunku Abdul Rahman bersama satu rombongan telah membuat rundingan kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Di negara manakah rundingan-itu diadakan?

- A. Brunei
- B. Belanda
- C. England
- D. Tanah Melayu

CLO2
C2

8. Indonesia telah menandatangani perjanjian damai dengan Malaysia pada bulan Ogos 1966. Siapakah Menteri Luar Indonesia yang terlibat dengan perjanjian tersebut?

- A. Suharto
- B. Sukarno
- C. Subandrio
- D. Adam Malik

CLO2
C2

9. Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia telah menggariskan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Mengapakah Bahasa Melayu dipilih menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia?

- A. Bahasa Melayu amat sukar dipelajari
- B. Bahasa Melayu tidak menggunakan aksara (huruf rumi)
- C. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan di rantau ini
- D. Struktur Bahasa Melayu mempunyai sifat fonem yang tidak jelas

CLO2
C1

10. Konsep ketertinggian perlembagaan dapat dilihat jika terdapat undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan akan terbatal melalui peranan dan fungsi

- A. Parlimen
- B. Majlis Raja-raja
- C. Kuasa Perdana Menteri
- D. Yang di-Pertuan Agong

CLO2
C1

11. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah memperuntukan kebebasan kepada semua warganegara untuk bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan namun Parlimen mengenakan beberapa syarat dan sekatan bertujuan

- i. Menjaga keselamatan negeri dan persekutuan
- ii. Memastikan keamanan dan ketenteraman awam
- iii. Melindungi keistimewaan Majlis Parlimen dan Dewan Undangan Negeri
- iv. Menyekat hasutan dan jenayah daripada sesiapa yang timbulkan isu-isu sentitif

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

CLO2
C1

12. Antara berikut, siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga hak istimewa orang Melayu di Persekutuan Malaysia?

- A. Majlis Raja-raja
- B. Perdana menteri
- C. Yang di- Pertuan Agong
- D. Sultan atau Yang Di Pertua Negeri

- CLO2
C1
13. Apakah fungsi Pilihan Raya?
 A. Mengekalkan pucuk pimpinan yang sedia ada
 B. Amalan politik yang membebaskan rakyat memilih calon
 C. Pemilihan calon bagi mengisi kekosongan jawatan kerajaan
 D. Peluang kepada rakyat memilih dan menukar pucuk pimpinan
- CLO2
C1
14. Apakah perkara yang **TIDAK** berkenaan dengan Yang di- Pertuan Agong (YDPA)?
 A. Tugas mengikut budi bicara
 B. Pengisytiharan undang-undang
 C. Menggubal rang undang-undang
 D. Memperkenankan rang undang-undang
- CLO2
C2
15. Apakah kelayakan seseorang individu yang ingin menjadi calon dalam pilihanraya?
 i. Mempunyai kekuatan kewangan
 ii. Tinggal di negeri yang akan bertanding
 iii. Warganegara Malaysia dan bermastautin di negara ini
 iv. Mempunyai sikap liberal terhadap tradisi pelbagai kaum
 A. i dan ii
 B. ii dan iii
 C. ii, iii dan iv
 D. i, ii, iii dan iv
- CLO2
C2
16. Kelayakan seorang ahli Dewan Undangan Negeri tidak terlucut walaupun
 A. Berkahwin dengan warga asing
 B. Memegang jawatan berkepentingan
 C. Didapati seorang yang tidak sempurna
 D. Seorang bankrap yang belum dilepaskan
- Salman bertanding dalam pilihan raya bagi kerusi Parlimen Pulau mewakili Parti Bebas dan jumlah undi yang diperolehi adalah sebanyak 1000 daripada 20000 undi.
- CLO2
C2
17. Berdasarkan kenyataan di atas, berapakah jumlah undi yang perlu dimenangi bagi melayakkan beliau mendapatkan wang depositnya semula?
 A. 2500
 B. 5000
 C. 10000
 D. 15000

- CLO2
C2
18. Perkara yang tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan ialah
 A. Pertahanan
 B. Kewarganegaraan
 C. Mahkamah Syariah
 D. Keselamatan dalam negeri
- CLO3
C2
19. Kemasukan masyarakat India dan Cina ke Tanah Melayu secara beramai-ramai telah menggalakkan kemunculan bandar-bandar baharu di Tanah Melayu. Manakah antara berikut bandar-bandar baharu yang dimaksudkan?
 i. Rembau
 ii. Bahau
 iii. Port Weld
 iv. Port Dickson
 A. i dan ii
 B. ii dan iv
 C. i, ii dan iv
 D. iii dan iv
- CLO3
C2
20. Sistem Kangani merupakan sistem yang digunakan dalam usaha membawa masuk buruh asing ke Tanah Melayu. Bagaimanakah Sistem Kangani berperanan membentuk masyarakat berbilang kaum di Malaysia?
 A. Kedatangan buruh India mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan
 B. Pekerja India bekerja di Tanah Melayu pulang ke negara asal dan membawa masuk pekerja baru
 C. Pekerja buruh dari China akan membawa masuk seramai mungkin pekerja baharu ke Tanah Melayu
 D. Kemasukan masyarakat Cina dari Tanah Besar China untuk mengusahakan perlombongan bijih timah
- Dipakai oleh wanita Melayu di seluruh negara. Sesetengah wanita Cina Peranakan turut memakainya. Bajunya dibuat labuh hingga ke lutut, berbelah di hadapan dan dipakai bersama tiga kerongsang
- CLO3
C2
21. Kenyataan di atas adalah merujuk kepada jenis pakaian masyarakat Melayu yang diberi nama
 A. Baju Riau/ Pahang
 B. Baju Kebaya Labuh
 C. Baju Kurung Teluk Belanga
 D. Pakaian Cik Siti Wan Kembang

CLO3
C2

22. Kaum Iban terkenal dengan tarian yang melambangkan keberanian menentang sebarang bentuk penjajahan. Apakah nama tarian tersebut?

- A. Adai-adai
- B. Datun Jalut
- C. Mangunatip
- D. Ngajat Bunuh

CLO3
C2

23. Manakah antara contoh berikut menggambarkan perkembangan konsep asimilasi dalam masyarakat Malaysia?

- A. Kelahiran masyarakat Serani dan Cindian
- B. Amalan memberi duit raya ketika Hari Raya Aidilfitri
- C. Budaya dan cara kehidupan masyarakat Baba dan Nyonya
- D. Masyarakat India mengekalkan sari sebagai pakaian tradisi mereka

CLO3
C2

24. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah perpaduan dan integrasi nasional selepas merdeka?

- i. Pemisahan tempat tinggal
 - ii. Penyatuan pemahaman politik
 - iii. Penyeragaman sistem pendidikan
 - iv. Melancarkan Dasar Ekonomi Baru
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i,iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

CLO3
C3

25. Antara kesan peristiwa 13 Mei 1969 ialah terbentuknya satu ideologi bersifat perpaduan yang dikenali Rukun Negara. Apakah badan yang bertanggungjawab menggubal ideologi tersebut?

- A. Majlis Gerakan Negara
- B. Majlis Integrasi Nasional
- C. Majlis Perpaduan Negara
- D. Majlis Perundingan Negara

CLO3
C3

26. "Kesetiaan kepada Raja dan Negara" merupakan Rukun Negara yang ke 2. Apakah tujuan prinsip ini diwujudkan?

- A. Memastikan setiap individu dalam negara terjamin kebebasan asasi mereka
- B. Memastikan rakyat Malaysia sentiasa dalam keadaan bersopan dan berhemah
- C. Melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan sanggup berkorban untuk negara
- D. Melahirkan masyarakat Malaysia yang sentiasa berpegang teguh pada kepercayaan masing-masing

CLO3
C3

27. Rancangan Malaysia ke 9 (RMK 9) 2006-2010 merumuskan dalam bentuk LIMA (5) teras utama bagi mengekalkan kemakmuran negara. Manakah berikut termasuk dalam RMK9?

- A. Memupuk modal insan cemerlang
- B. Memanfaatkan kepelbagaian etnik
- C. Menghargai khazanah alam sekitar
- D. Meningkatkan kemampuan kualiti hidup

CLO3
C3

28. Dasar Pembangunan Negara (DPN) meneruskan strategi DEB melalui pelaksanaan

- i. Pembasmian kemiskinan
- ii. Menumpukan kepada pembangunan sumber manusia
- iii. Pewujudan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera
- iv. Meningkatkan pembabitan sektor swasta dalam proses penyusunan masyarakat

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. i, ii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

- Memerangi gejala rasuah.
- Kecekapan dalam perkhidmatan.
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

CLO3
C3

29. Kenyataan di atas adalah berkaitan dengan

- A. Pelan Integriti Nasional
- B. Dasar Pembangunan Nasional
- C. Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- D. Dasar Pembangunan Belia Negara

- CLO3
C3
30. Manakah antara berikut **BUKAN** asas utama pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?
- Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
 - Kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara
 - Sistem pendidikan yang diamalkan dalam negara
 - Kepelbagaian kaum dan warisan rakyat Malaysia
- CLO3
C3
31. Faktor-faktor kemerosotan integriti didorong oleh beberapa perkara berikut
- Tekanan hidup
 - Kurang pendidikan
 - Kurang ketelusan dalam sistem
 - Budaya masyarakat yang kurang menitikberatkan fahaman agama
- i dan ii
 - i dan iii
 - i, ii dan iii
 - i, ii, iii dan iv
- CLO3
C3
32. Matlamat utama Dasar Pembangunan Belia Negara adalah bagi mempersiapkan golongan belia ke arah Wawasan 2020. Apakah strategi kerajaan dalam mencapai matlamat tersebut?
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan belia
 - Memastikan kemudahan interaksi sosial pada tahap yang optimum
 - Pemupukan nilai-nilai kebudayaan mengikut etnik masing-masing
 - Pembangunan kemahiran untuk mempersiapkan belia dengan teknologi terkini
- CLO3
C3
33. ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 atas cadangan Tunku Abdul Rahman. Manakah yang menerangkan dengan **TEPAT** peranan ASEAN?
- Mengekang kebangkitan ekonomi negara China
 - Malaysia dapat menguasai perdagangan di rantau Asean
 - Menghalang kerjasama dengan negara komunis secara terancang
 - Menjalinkan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang di antara negara ahli
- CLO3
C3
34. Di antara isu-isu yang pernah disuarakan dalam KOMANWEL adalah seperti berikut **KECUALI**
- Masalah perdagangan antarabangsa dan penjajahan
 - Penentangan terhadap isu Apartheid di Afrika Selatan
 - Penubuhan tabung antarabangsa untuk pemeliharaan alam sekitar
 - Bekerjasama dengan negara anggota melalui penyelidikan penyakit berjangkit

- CLO3
C3
35. Mengapakah Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dilihat tidak berperanan dalam menangani isu-isu global yang melibatkan kepentingan umat Islam?
- Tiada persefahaman dan tindakan yang bersepadu
 - OIC mempunyai peruntukan kewangan yang terhad
 - Pengerusi OIC terlalu tunduk kepada kuasa-kuasa besar
 - Kebanyakan ahli OIC adalah termasuk dalam kalangan negara-negara miskin
- Bermatlamat untuk mengelakkan negara-negara kecil terlibat dengan peperangan ideologi. Hubungan luar Malaysia adalah penting dalam memupuk hubungan baik dan meningkatkan hubungan kerjasama dengan negara lain
- CLO3
C3
36. Objektif di atas ada kaitan dengan pertubuhan
- European Union. (EU)
 - Non Aligned Movement (NAM)
 - Organisation of Islamic Conference (OIC)
 - Association of South Asian Nations (ASEAN)
- CLO3
C3
37. Di antara berikut, yang manakah merupakan objektif dasar luar negara Malaysia?
- Mengamalkan sikap campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara
 - Menjaga dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keselamatan negara
 - Mempertahankan, menjaga dan memajukan kepentingan negara di arena antarabangsa
 - Mempertahankan prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan wilayah negara lain
- i dan ii
 - i, ii dan iii
 - i, iii dan iv
 - ii, iii dan iv

- CLO3
C3
38. Berikut merupakan peranan Malaysia dalam *Organisation Of Islam Conference* (OIC) **KECUALI**
- A. Menyokong perjuangan Palestin
 - B. Menyokong Amerika menjatuhkan rejim Saddam Hussein
 - C. Menganjur Musabaqah Tilawah al-Quran pada setiap tahun
 - D. Mengutuk Serbia yang melakukan pembunuhan beramai-ramai di Bosnia
- CLO3
C3
39. Langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan adalah menjadi agenda utama untuk memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara. Berikut merupakan aktiviti yang tepat untuk tujuan tersebut **KECUALI**
- A. Pertanian pindah
 - B. Penanaman berteres
 - C. Penghutanan semula
 - D. Mewartakan hutan simpan dan taman negara
- CLO3
C3
40. Antara berikut, yang manakah perbezaan antara aliran teknikal dan vokasional?
- A. Aliran teknikal yang mempersiapkan murid untuk kerjaya, manakala aliran vokasional lebih kepada pendidikan lanjutan
 - B. Aliran teknikal yang mempersiapkan murid untuk pendidikan lanjutan manakala aliran vokasional lebih berorientasikan kerjaya
 - C. Aliran teknikal yang mempersiapkan pelajar dalam bidang perindustrian, manakala aliran vokasional dalam bidang pertanian dan pembangunan
 - D. Aliran teknikal yang mempersiapkan pelajar dalam bidang pertanian dan pembangunan, manakala aliran vokasional dalam bidang perindustrian

SOALAN TAMAT